

Bomoh cabul janda didakwa

M/S

KOSMO 22/06/2010

KUANTAN - Seorang bomoh berusia 54 tahun tidak mengaku bersalah apabila dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam atas dakwaan mencabul kehormatan janda muda berumur 21 tahun.

Mengikut kertas pertuduhan, Jamil Arshad (gambar) didakwa mencabul kehormatan janda terbabit ketika menjalankan rawatan ke atas mangsa di sebuah rumah dekat Fel-da Panching Utara, Kuantan pada 16 Jun lalu antara pukul 7 malam hingga 8 malam.

Tertuduh yang dikenali ramai sebagai 'Pak Long' tidak diwakili peguam. Dia yang berasal dari Fel-da Bukit Sagu 1 dekat sini dituduh mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana melakukan kekerasan jenayah terhadap mangsa dengan niat mahu mencabul.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara maksimum 10 tahun, denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu.

Majistret Iriane Isabelo menetapkan jaminan RM3,000 terhadap tertuduh dan kes itu akan disebut semula pada 12 Julai depan.

